

PM: Pengusaha harus berani

U.M. 27 JAN 1993

SHAH ALAM 26 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengusaha-pengusaha industri tempatan harus berani membuat inovasi ke atas teknologi yang diperolehi dari luar bagi memajukan lagi sektor pengilangan di negara ini.

Beliau berkata, pengusaha yang terkongkong dengan satu cara yang biasa sahaja dalam industri ini tidak akan maju dan terpaksa sentiasa bergantung kepada teknologi pihak lain selamalamanya.

"Pengusaha tempatan mesti mencari jalan untuk membangunkan teknologi yang diperolehi secara pemindahan kerana teknologi yang dibeli lebih mahal daripada teknologi ciptaan sendiri," katanya ketika berucap pada majlis perasmian PHN Industry Sdn. Bhd di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pembuatan sesuatu barangan tidak terhad kepada satu cara sahaja, sebaliknya terdapat banyak cara lain lagi bagi menghasilkan sesuatu yang bermutu sama ada secara ortodoks atau sebaliknya.

Katanya, kejayaan membangunkan teknologi dalam bidang pertanian seperti penghasilan klon-klon kelapa sawit dan getah membuktikan bahawa negara mampu membangunkan teknologi yang diperolehi dari luar.

"Malah teknologi ini boleh dijual atau dieksport ke negara lain pula," katanya.

Sehubungan dengan itu katanya, individu-individu yang terlibat dengan sektor ini perlu sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi dalam bidang masing-masing serta memberi tumpuan ke atas teknologi yang lebih tinggi dan terkini.

"Di samping menguasai teknologi tersebut, mereka juga harus berani meningkatkan dan membuat inovasi sendiri," tegasnya.

Katanya, proses pemindahan teknologi adalah proses yang berterusan dan tidak statik walaupun pemindahan itu berjalan secara perlahan-lahan melalui projek usaha-sahaja dengan negara-negara maju.

Menurut beliau, kejayaan proses ini banyak bergantung kepada kesungguhan, kemampuan dan komitmen individu-individu terlibat secara langsung dengan teknologi berkenaan.

Perdana Menteri menambah, bagi memastikan masa depan sektor pengilangan negara terus cerah, tumpuan perlu diberikan kepada pemindahan teknologi yang mempunyai ciri-ciri nilai tambah lebih tinggi.

Bagi menjayakan matlamat ini, kata beliau, beberapa langkah wajib harus diberi penekanan antaranya pelaksanaan usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di dalam negara sendiri.

Dr. Mahathir berkata, pada masa ini usaha-usaha R&D dalam bidang

pengilangan masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sektor pertanian.

"Sebagai contoh 93 peratus daripada peruntukan yang telah digunakan untuk tujuan itu dianjurkan oleh sektor awam dan daripada jumlah tersebut tiga perempat adalah usaha-usaha R&D yang berasaskan kepada bidang pertanian," ujarnya.

Dibandingkan dengan United Kingdom kata Dr. Mahathir, didapati hanya 10 peratus daripada jumlah perbelanjaan R&D di negara itu dibiayai oleh sektor awam manakala 96 peratus dikendalikan oleh sektor pengilangan.

"Walaupun kita sedar terdapat halangan dalam usaha-usaha R&D di negara ini ia patut dijadikan cabaran dan bukannya suatu alasan.

Menurut Perdana Menteri lagi, semua pihak yang terlibat dengan usaha tersebut terutamanya sektor swasta hendaklah memastikan mereka terus terlibat dalam aktiviti R&D dalam bidang masing-masing.

"Di samping itu struktur untuk menyokong aktiviti-aktiviti R&D di sektor pengilangan terus diperkukuhkan," kata beliau lagi.

Beliau turut menyeru syarikat-syarikat asing yang mengadakan usaha-sahaja dengan syarikat tempatan turut memberi sokongan dan kerjasama bagi menjayakan usaha tersebut di samping rakyat Malaysia sendiri perlu mempersiapkan diri un-

tuk menyambut segala cabaran dalam usaha ini.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, pengusaha-pengusaha tempatan tidak seharusnya mengagihkan keuntungan yang diperolehi untuk tujuan pelaburan, penyelidikan dan pembangunan, membangunkan teknologi baru serta mencari pasaran-pasaran baru.

"Melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan merupakan sebahagian daripada modal yang bukan sahaja dapat membantu meningkatkan keuntungan malah teknologi baru," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun jumlah pelaburan oleh para pelabur tempatan dan asing telah banyak meningkat ia masih belum memadai untuk mencapai pertumbuhan yang dirancangan dalam Rancangan Perindustrian Malaysia.

Katanya, kerajaan sedang berusaha memajukan lagi pelaburan dalam sektor pengilangan pada masa ini selaras dengan pertumbuhan industri komponen atau peralatan kereta.

Ia kata beliau, bukan sahaja untuk kegunaan atau pasaran alat ganti sahaja tetapi juga mempertingkatkan kadar penggunaan komponen-komponen tempatan ke atas kenderaan yang dipasang di negara ini.

"Memandangkan pasaran dalam negeri kita terhadap, kerajaan berharap industri komponen serta peralatan kereta dapat

bersaing di pasaran antarabangsa," ujarnya.

Setakat ini, kata Perdana Menteri, terdapat lebih daripada 200 syarikat pengeluar komponen automotif dan daripada jumlah itu, lebih 70 khusus mengeluarkan barangan untuk pasaran asal pengeluar-pengeluar kenderaan.

Menurut Dr. Mahathir, berdasarkan kepada angka-angka import komponen serta peralatan kereta, terdapat ruang yang luas bagi mempertingkatkan pengeluaran komponen serta peralatan kritikal dalam industri kenderaan bermotor.

Katanya, dalam tempoh Januari hingga

November tahun lalu, import komponen dan peralatan berjumlah kira-kira RM2.1 bilion.

"Komponen-komponen tersebut mungkin boleh dikeluarkan bagi dipasarkan kepada Proton atau kereta lain ataupun mungkin dieksport," tambahnya.